

# Mat Noor Ahli Lembaga Pengarah UDA

**U**DA Holdings Bhd melantik Datuk Mat Noor Nawawi (**gambar**) sebagai ahli lembaga pengarahnya. Mat Noor memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains (Sumber Ekonomi) dari Universiti Putra Malaysia serta Ijazah Sarjana Sains (Polisi Ekonomi) dari University of Illinois, Urbana-Champaign, Amerika Syarikat.

Beliau berkhidmat dalam perkhidmatan awam pada 1981 se-

bagai Ahli Ekonomi Pertanian di Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) sebelum menjadi Penolong Pengarah di Seksyen Pengagihan, Unit Perancang Ekonomi (EPU).

Mat Noor bertugas di beberapa seksyen di EPU sebelum dilantik menjadi Pengarah di Seksyen Pengagihan dan Pembangunan Koridor EPU, jawatan yang dipegangnya sehingga kini.



B/Harian 02/04/09